

## Introspeksi dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan

Qurratul ‘Ain Abdul Rahim  
Mawar Safei

Program Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

safei@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Perbincangan ini meninjau kumpulan puisi 77 Tuju: Siri Ingatan kepada Kawan oleh Zaen Kasturi (2014, Institut Terjemahan & Buku Malaysia). Penelitian ini memanfaatkan beberapa tanggapan terhadap “introspeksi” dalam hubungannya dengan pemikiran Melayu seperti yang diajukan Zaen Kasturi menerusi kumpulan puisinya ini. “Introspeksi” atau “muhasabah diri” menjadi lorong untuk pembaca melakukan proses merenung diri atau pencerminan diri. Antara tanggapan tentang “introspeksi” itu diteliti dengan menggableng satu kerangka kajian dalam kesusasteraan Melayu yang dijana Hashim Awang iaitu Pengkaedahan Melayu. Hashim Awang sangat mempertimbangkan secara saksama dalam membentangkan idealisme Pengkaedahan Melayu khasnya di bawah Pengkaedahan Keagamaan. Penemuan penelitian ini adalah terhadap kecenderungan Zaen Kasturi mengungkap “introspeksi” menerusi puisi-puisinya, menerusi tiga jalur pendekatan. Pertama, dalam konteks dakwah, Zaen Kasturi jelas banyak membentangkan figura Nabi Muhammad. Sosok Rasulullah ini dihadirkan sebagai contoh dan teladan unggul untuk khalayak Islam melakukan introspeksi menerusi sifat-sifat utama baginda iaitu seperti siddiq (benar), amanah (dipercayai), tabligh (menyampaikan) dan fatonah (bijaksana). Kedua, dalam konteks kemasyarakatan, Zaen Kasturi sekian bahagian dalam puisi-puisinya mengangkat pemerihal “kawan” yang lebih komunikatif dalam urusan introspeksi diri dan “kawan” sebahagian daripada komponen masyarakat. Ketiga, dalam konteks seni, jelas penggabungan kebahasaan Zaen Kasturi terhadap diksi dan gaya bahasa metafora untuk memperlihatkan elemen introspeksi menerusi pemilihan kosa kata dan kiasan. Keseluruhannya, menerusi lensa dakwah, kemasyarakatan dan seni yang dipayungi Pengkaedahan Keagamaan, Zaen Kasturi antaranya banyak mengajukan pemerihal introspeksi. Ia menarik apabila dikaitkan dengan kedudukan sudut pandang kumpulan ini yang menumpu terhadap frasa “ingatan kepada kawan”, iaitu satu anjuran untuk tujuan bermuhasabah.*

**Kata kunci:** Pengkaedahan Melayu, introspeksi, keagamaan, kemasyarakatan, seni

### 1. Pengenalan

Dalam dunia kesusasteraan, genre puisi dianggap sebagai salah satu genre yang besar dan mencakupi dua bentuk berbeza iaitu tradisional dan moden. Kemunculan penulisan puisi telah dijejak dari zaman Yunani, malah menjadi sebahagian tradisi agung tamadun tersebut.

Menunjukkan sebuah puisi bermaksud ilham diterima para penyair menerusi cara keramat, atau secara *divine madness* dari Tuhan (M.K. Danziger, W.S. Johnson, 1991: 18) iaitu merujuk ungkapan-ungkapan penyair yang dianggap bersifat kudus kerana penyair diibaratkan *messenger* (penyampai mesej) dari Tuhan untuk manusia. Puisi memiliki darjat tinggi kerana ia berperanan sebagai wadah menterjemahkan akal budi kepada sulaman bahasa indah. Menurut Anis Sabirin (1973), puisi adalah salah satu cabang kesenian yang disebut kesusasteraan yang bererti bahasa indah, berirama dan mempunyai bentuk.

Situasi puisi di wilayah Barat, khususnya Eropah memperlihatkan kedudukan puisi tinggi dalam hierarki sastera. Tidak terkecuali kondisi sastera, khususnya puisi, dalam alam Melayu. Dari sudut pandang masyarakat Melayu, puisi Melayu tradisional puisi Melayu moden. Induk pertama, puisi Melayu tradisional amat luas dan memiliki banyak jenis, tamsil pantun, gurindam, seloka, syair, talibun dan lain-lain lagi. Setiap bentuk puisi tersebut tidak boleh dihasilkan tanpa rumus khusus. Sebagai contoh, pantun perlu ada bilangan kerat tertentu diikuti rima awal, tengah dan akhir berserta pembayang dan maksud. Puisi Melayu moden, juga dikenali puisi Melayu baharu pula mempunyai cuma satu jenis iaitu sajak. Perkembangan puisi Melayu moden menurut Rahman Shaari (1987), ia muncul pada tahun 1930-an. Lagi menurut Rahmat Shaari, sajak adalah hasil daripada perubahan sikap, pemikiran, pandangan hidup dan beberapa aspek kehidupan hasil daripada pengaruh Barat (1978). Sajak dibahagikan kepada dua jenis sajak iaitu pertama, sajak bebas (*free verse*), sajak yang tidak terikat pada sebarang bentuk, manakala kedua pula sajak konkrit (*concrete verse*) yakni sajak yang mementingkan aspek penglihatan.

Puisi diukur melalui tahap kepadatan isi. Ia berlainan daripada prosa. Prosa tidak sarat dengan isi yang berat dan padat meskipun ada prosa berpuitis seolah memiliki sifat puisi. Makna yang terkandung menurut Shahnnon Ahmad (1978) ialah unsur asas yang menggambarkan keserasian beberapa aspek puisi seperti emosi, imaginatif, pemikiran, idea, nada, irama, kesan, pancaindera, susunan kata, kata-kata kiasan, kepadatan dan perasaan yang bercampur baur. Sajak dipenuhi maksud yang menawarkan cerminan diri dan peribadi, refleksi dan introspeksi.

Introspeksi, atau refleksi merupakan muhasabah diri, iaitu proses pengukuran kesedaran seseorang melibatkan inti fikiran. Lazimnya, muhasabah lebih membawa nilai kerohanian kerana perkaitan agama begitu kuat. Introspeksi turut difahami sebagai satu monolog interior atau dialog dalaman, dan bicara diri (*self-talk*). Ia merupakan induk utama dalam kebanyakan disiplin ilmu, malah dibahas, dirunding menjadi subjek sentral, khususnya falsafah dan psikologi. Dalam sejarah falsafah Barat, terdapat satu dialog berkenaan keprihatinan terhadap ilmu yang masyhur dikemukakan oleh seorang filsuf Yunani, Plato, iaitu Theaetetus pada 339 SM. Sebahagian isi dialog ini memperkatakan hal kesedaran diri (introspeksi) dan antara fragmen dialog Theaetetus memperlihatkan soal muhasabah:

*"..why should we not calmly and patiently review our own thoughts, and thoroughly examine and see what these appearances in us really are?"*

Plato memperbincangkan tentang kepentingan tinjauan semula (review) fikiran dan memeriksa secara keseluruhan untuk melihat keberadaan diri secara zahir dan batin. Mirip dengan disiplin psikologi, introspeksi kebanyakan bergantung kepada penelitian terhadap kondisi mental seseorang. Wilhem Wundt, seorang ahli psikologi adalah antara yang pertama mengangkat perihal introspeksi menerusi *experimental psychology* menyatakan introspeksi harus dijaga dengan sebaiknya, kerana beliau juga menyandarkan introspeksi seperti Gustav Fechner, ahli psikologi ternama yang menggunakan introspeksi yang terkawal untuk mengkaji *sensory organ* manusia.

Namun begitu, introspeksi juga amat diraikan dalam kesusasteraan, terutamanya bergenre fiksyen. Renni Browne dan Dave King (2004) mengungkapkan bahawa introspeksi dalam lingkaran sastera dimaknai sebagai "*One of the great gifts of literature is that it allows for the expression of unexpressed thought.*" iaitu introspeksi ini adalah proses meluahkan buah fikiran yang bersembunyi secara terus-terang kepada pembaca. Penulis sains fiksyen Amerika, Nancy Kress (2003) pula membicarakan bahawa dalam karya sastera, isi fikiran seseorang berupaya memantapkan sesebuah cerita seperti memperdalam karakterisasi, dan meluaskan skop cerita tersebut.

Introspeksi dalam kerangka ajaran Islam pula menganjurkan proses penyucian jiwa secara reflektif. Introspeksi, turut dikenali sebagai muhasabah dalam Islam, menurut Aidh al-Qarni (2004) dalam H. Abdullah, "istilah muhasabah secara tidak langsung ditemukan dalam Al-Quran dan Hadis. Muhasabah berasal dari kata *hasaba, yuhasibu, muhasabah*. Muhasabah memiliki erti menghitung, mengevaluasi, mengoreksi dan juga bermakna introspeksi."

Penerapan introspeksi dalam *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* karangan Zaen Kasturi amat tebal dan subjek ini memperdalamkan inti puisinya menerusi penyampaian secara naratif. Persoalan dakwah, kemasyarakatan dan seni (estetik) menjadi himpunan elemen penting dalam puisi tersebut. Maka, introspeksi bermula dengan diri.

Dalam meneliti kajian yang ingin dijalankan berdasarkan kumpulan *puisi 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* karya Zaen Kasturi ini sebagai teks kajian hanya menumpukan kepada beberapa objektif kajian. Objektif kajian pertama ialah pendekatan dakwah menerusi sosok keperibadi Rasulullah yang memperlihatkan introspeksi. Objektif kedua pula ialah untuk meneliti introspeksi yang berlandaskan konteks kemasyarakatan yang khusus kepada lingkaran persahabatan. Objektif terakhir ialah introspeksi dalam gaya pengucapan puisi pengarang menerusi diksi dan metafora.

## 2. Tinjauan Literatur

Zaen Kasturi, iaitu nama pena bagi Zainal bin Palit, merupakan seorang penyair yang memberi nafas baharu dalam dunia puisi kerana pengucapan dan pembawaan yang berlainan iaitu sajak berprosa (*prosaic poem*). Menurut Mana Sikana (1994), dasar puisi Zaen Kasturi dibina dengan elemen absurd dan surealistik yang tidak mempunyai latar khusus, begitu juga bentuk yang tidak lazim ditemukan dalam sajak-sajak sebelum ini. Sajak-sajaknya prosaik, iaitu diperlihatkan melalui kerangka cerita. Menurut Mana Sikana lagi, gaya bahasa yang dipermainkan Zaen Kasturi cenderung untuk menimbulkan pertanyaan dan anti-cerita. Hal sama berlaku dalam kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan*.

Dari sudut-pandang Othman Puteh (2001), Zaen Kasturi mempunyai trend, penampilan dan identiti yang tersendiri (erti lain: individualistik). Menurut Othman Puteh lagi, menerusi karya-karyanya seperti *Yuda, Rapsodi* – Zaen Kasturi menaakul peristiwa-peristiwa sejarah merangkumi mitos, lagenda, hikayat lama Melayu dan cerita panji. Elemen satira dan parodi dizahirkan dalam karya beliau sebagai perenungan atau bentuk introspeksi buat pembaca.

Arbak Othman (2001) menyifatkan intelektual Zaen Kasturi seperti sebuah penjelajahan kerana penggunaan simbol yang peribadi tetapi sarat dengan nilai sosio-budaya, kemanusiaan dan rohaniah. Lagi dibuktikan melalui wacana pemikiran yang puitik untuk pembaca tafsir dan renungan. Pemilihan perkataan dan diksi yang unik oleh Zaen Kasturi diakui Arbak Othman sebagai lambang intelektual kerana penyusunan kata-kata yang rapi melahirkan buah fikiran yang tinggi.

Awang Azman Awang Pawi (2003) lebih cenderung mengisahkan penggunaan lesen puitika (*licentia poetica*) melalui pendekatan deskriptif. Menurutnya, Zaen Kasturi mendapat perhatian para pengkritik kerana muncul sebagai penyair yang memecahkan tradisi dan kelaziman sajak – iaitu melakukan pembaharuan penyimpangan bahasa (lesen puitika). Penilaian karya Zaen Kasturi turut diambil kira keaslian atau dipengaruhi oleh penulis lain. Begitu kekuatan Zaen Kasturi pada penyimpangan bahasa.

Rahman Shaari (2005) pula menganggap karya Zaen Kasturi sebagai memberangsangkan kerana keyakinan Zaen Kasturi dalam bidang persajakan menerusi perlambangan dan permainan bahasa yang menitikberatkan bunyi dan visual. Meskipun kebanyakan sajak Zaen Kasturi bersifat peribadi tetapi keperibadian itu boleh dijadikan sejagat untuk pembaca. Selain itu, puisi Zaen Kasturi dilihat sebagai puisi Melayu yang bercambah subur di Nusantara.

Rosna Mohd Khalid (2008) melihat karya-karya Zaen Kasturi dalam lingkungan genre abstrak – selaras penyair AGI, Puan Habib dan Puzi Hadi. Meskipun puisi Zaen Kasturi tidak sepenuhnya *avant-garde*, tidak eksperimental bentuknya namun gaya eksperimental Zaen Kasturi adalah sederhana dan masih mementingkan komunikasi untuk pembaca menggarap makna. Percubaan Zaen Kasturi untuk keluar dari tradisi lazim puisi (dari aspek ciri dan bentuk). Intelektualiti Zaen Kasturi dihimpun dalam beberapa kumpulan puisi *Katarsis, Iga* dan “77 Tuju: *Siri Ingatan Kepada Kawan*.”

Muhammad Haji Salleh (2009) pula menyatakan Zaen Kasturi sebagai seorang penulis mengangkat tema relevan dan bangsa. Kumpulan puisi terbaharu Zaen Kasturi iaitu *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* yang diterbitkan pada 2010 ini masih mengekalkan intelektual Zaen Kasturi khususnya berkenaan bangsa Melayu, leluhur dan pencarian rohani. Seperti himpunan puisi beliau sebelum ini, *Katarsis* dan *Iga* – beliau masih menampilkan ideologi dan tuaian ilham yang unggul.

Digelar sebagai tokoh penggerak inspirasi, Mulia Kurniawan (2010) menganggap karya Zaen Kasturi adalah hiperteks yang tersirat untuk pembaca menjadi perenung dan berfikir. Hal ini demikian kerana pengaruh Zaen Kasturi daripada penelitian khazanah sastera tradisional seperti mantera, gurindam dan syair. Kemunculan kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* membuktikan sekali lagi keseriusan penyair berkarya serta intelektual yang tinggi.

Introspeksi atau refleksi diri oleh Zaen Kasturi diperlihatkan lagi menerusi kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* yang membawa puisi-puisi bersifat serius menurut sudut-pandang Nazmi Yaakub dan Shuhaniza Said (2011). Keseriusan dan kompleksiti penyair untuk mengangkat persoalan bangsa Melayu dan kemanusiaan sebagai kesedaran pembaca. Introspeksi melalui lorong sejarah bangsa dan budaya dibuktikan melalui pelambangan yang penyair masukkan untuk mencetus makna tersirat buat pembaca berfikir. Perkara sama dalam kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan*; iaitu peringatan dan pesan hikmah kepada diri dan sahabat. Menurut Nazmi Yaakub lagi, Zaen Kasturi cuba menyanjungi usaha mengembalikan kepentingan rohaniah dalam pembentukan sesuatu tamadun.

Kesepakatan Muhammad Syahir Abu Bakar, Ahmad Sunawari Long dan Ibrahim Abu Bakar, menggunakan pandangan Al-Ghazali tentang persahabatan yang menerangkan bahawa persahabatan yang berlaku dengan ‘pilihan sendiri’ seperti persahabatan dalam agama Islam iaitu ia sememangnya sudah pasti terjadi kerana semua umat Islam itu bersaudara. Begitu berhubungan dengan konsep persahabatan dalam kumpulan puisi ini, malah dijadikan kajian sandaran untuk memenuhi objektif kajian ini.

Keseriusan ini diakui oleh Mawar Shafei (2016) menerusi narasi penyair yang melahirkan ambiguiti dalam tulisannya. Penerapan unsur anti-cerita dalam kebanyakan karya

Zaen Kasturi merupakan metod yang inovatif dan kreatif. Elemen-elemen baharu yang dimasukkan Zaen Kasturi dalam puisi, bahkan dalam kumpulan cerpen beliau sekaligus memaparkan keseriusan penyair dalam berkarya untuk dijadikan wahana buat mendidik pemikiran.

### **3. Metodologi Kajian**

Kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini bersandarkan kepada teknik kualitatif iaitu menggunakan kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan ini merangkumi kerja-kerja berhubungan dengan proses pengumpulan data, bahan bacaan dan bahan rujukan yang berkaitan dengan soal introspeksi. Kajian diawali dengan menghimpunkan bahan-bahan berserta maklumat berkaitan. Bahan-bahan rujukan yang digunakan adalah seperti buku, artikel, jurnal dan latihan ilmiah (kajian lepas) untuk menguatkan idea dalam penulisan kajian ini. Bahan-bahan rujukan yang diperoleh mempercepatkan dan mempermudah proses penganalisan maklumat.

#### ***Teks Kajian***

Kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* nukilan Zaen Kasturi dilihat sebagai teks kajian yang masih baharu dan terdapat kekinian. Selain itu, kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* turut diakui pengarang sendiri sebagai puisi yang mengangkat tema persahabatan dalam pelbagai tafsiran. Kajian ini hanya berfokus kepada introspeksi dalam puisi dan majas bahasa yang digunapakai.

#### ***Analisis Data***

Kajian ini memfokuskan pada kandungan puisi yang terdapat dalam *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* dalam lensa introspeksi yang memperihal tinjauan diri (muhasabah) menerusi gagasan Pengkaedahan Melayu, teori yang diasaskan oleh Hashim Awang. Unsur agama Islam dan budaya Melayu menjadi tunjang bagi mengkaji teks puisi yang terpilih yang menepati dengan tiga pendekatan iaitu Pendekatan Keagamaan, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni dipayungi Pengkaedahan Melayu. Setiap pendekatan berlandaskan syariat Islam untuk memastikan makna introspeksi tercapai. Fokusnya adalah aspek keperibadian Rasulullah SAW sebagai cerminan diri, hubungan kemasyarakatan dan diksi.

### **4. Dapatan dan perbincangan**

Bahagian ini akan membincangkan pendekatan pertama iaitu pendekatan dakwah mengenai introspeksi menerusi aspek keperibadian Rasulullah SAW dan diksi yang terdapat dalam puisi-puisi tersebut.

#### ***4.1 Pendekatan Dakwah***

Konsep introspeksi amat luas. Membuka lapisan makna *77 Tuju: Ingatan Kepada Kawan*, ia dikhususkan ke arah introspeksi berasaskan doktrin agama. Demikian agama menyumbang banyak perkara-perkara berhubungan dengan moral dan pencerminan diri. Maka, pengkaedahan keagamaan diaplikasikan untuk meletakkan nilai introspektif puisi berkenaan berada dalam acuan yang tepat sebagai analisis pertama kajian ini. Menurut Hashim Awang (2002), konsep pendekatan agama dalam Pengkaedahan Melayu tidak dilimitasikan terhadap dunia dan nilai pegangan masyarakat Melayu sahaja, namun juga berlandaskan akidah agama Islam. Perihal ini diteliti menerusi Al-Quran dan hadis sebagai sumber utama. Keesaan Allah SWT menjadi pusat yang membangunkan nilai-nilai estetika dan moral. Pengkaedahan keagamaan dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan

seni. Walau bagaimanapun, dua pendekatan sahaja digunakan iaitu pendekatan dakwah dan pendekatan seni.

Dari sudut-pandang Islam, introspeksi, atau erti kata lain, evaluasi diri disebut di dalam kitab hadis iaitu:

“Sesungguhnya hisab pada hari kiamat akan menjadi ringan hanya bagi yang selalu menghisab dirinya saat hidup didunia” (HR.Tirmidzi)

Proses berintrospeksi tidak cuma terbatas kepada perhitungan semula amali seseorang, namun introspeksi tidak terkecuali dikaitkan dengan perihal taqwa. Menurut kesepakatan Putri Wulan Afandi, Ikin Ashikin dan Layen Junaedi dalam *Meningkatkan Ketakwaan melalui Proses Introspeksi Diri*, perintah introspeksi diturunkan kepada manusia agar manusia mengamati amalan-amalan yang telah dikerjakan untuk mengasah keperibadian lebih baik pada masa akan datang. Introspeksi atau muhasabah tidak disebut secara ketara di dalam Al-Quran tetapi penggunaan perkataan taqwa ditafsir sebagai refleksi diri. Terdapat surah yang menegaskan proses muhasabah ialah surah Al-Hasyr, ayat 18. Ayat berkenaan menampilkan taqwa sebagai tuntutan mustahak kepada semua Muslim kerana ia diertikan sebagai pencerminan diri seperti dinyatakan berikut:

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.”

Petikan ayat tersebut memperlihatkan introspeksi merangkumi proses pemerhatian atau pengamatan tingkah laku terhadap diri sendiri, khususnya amalan yang diperbuat. Hal ini demikian kerana perintah bertakwa mewakili introspeksi. Ketakwaan membezakan darjat manusia di sisi Allah SWT. Ketakwaan Muslim merentasi perbezaan secara fizikal, seperti difirmankan dalam surah Al-Hujurat, ayat 13:

“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”

#### **4.2 Refleksi Diri Melalui Keperibadian Nabi Muhammad Saw**

Salah satu puisi terpilih daripada *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* untuk mengupas lapisan introspeksi menerusi Al-Hasyr, ayat 18 ialah ‘ingatan kepada kawan vi’ kerana kandungan puisi tersebut menumpukan tema introspeksi melalui cerminan moral pemimpin Islam yang unggul iaitu Nabi Muhammad SAW. Sifat dan perwatakan Nabi Muhammad SAW dijadikan contoh kepada umat manusia. Demikian ‘ingatan kepada kawan vi’ ditinjau daripada perspektif Islam. Puisi ini didirikan atas dasar kenabian Nabi Muhammad SAW yang memantulkan sifat-sifat berbentuk introspektif, seperti baris pertama puisi:

(kawan, ingatkah kau akan imam tua di surau kecil yang pernah mengenalkan kita dengan ALIF dahulu, pernah berkata -- meski ketika itu sebenarnya kita kurang memahami -- bahawa Allah SWT berfirman yang bermaksud : “Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam...”

(Surah Al-Anbia, ayat 107)

(Zaen Kasturi, 2014: 6)

Sajak ini diawali dengan baris bersifat retrospektif sebagai pemula, iaitu pengimbauan kembali peristiwa lampau:

(kawan, ingatkah kau akan imam tua di surau kecil yang pernah mengenalkan kita dengan ALIF dahulu..)

Perkataan bergaris ‘ingatkah’, ‘imam tua’ dan ‘surau’ dilihat sebagai pembentukan peristiwa secara retrospektif pada pangkal puisi tersebut. Kemudian, ia langsung diikuti petikan surah Al-Anbia, ayat ke-107 yang menggambarkan utusan Nabi Muhammad SAW sebagai insan menuntun umat Islam ke arah kebenaran.

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam...”

Sisipan surah Al-Anbia ayat ke-107 ini mengangkat kewujudan Nabi Muhammad SAW sebagai satu rahmat terbesar kepada manusia dan seluruh alam kejadian. Sosok Nabi Muhammad SAW ditegaskan sebagai lambang muhasabah kerana Allah SWT mencipta Nabi Muhammad SAW sebagai peringatan buat manusia menjadi Muslim yang lebih mulia keperibadiannya. Perkara ini dapat diperpanjangkan lagi pada beberapa rangkap seterusnya:

Jutaan bintang di langit pun tak mampu menandingi  
Kemilau sinar yang kaubawa ke bumi ini – berabad lalu  
Ya kekasih kami  
Tuhan telah mengutusmu tatkala manusia  
Telah jauh meninggalkan kemanusiaannya  
Tatkala alam jadi pentas menampung dosa demi dosa  
Hingga doa dan syukur pun  
Tak lagi jadi senjata buat meleburkan segala noda

(Zaen Kasturi, 2014:6)

Menerusi rangkap ini, baris ‘Tuhan telah mengutusmu tatkala manusia’ memperlihatkan pertalian dengan surah Al-Anbia, ayat ke-107 yang ditempatkan dalam rangkap pertama sajak. Pengulangan perkataan ‘mengutus’ menjadi penegasan untuk menunjukkan kehadiran Nabi Muhammad SAW namun dari dua titik-mata yang berbeza. Pengarang menggunakan kata ganti diri kedua, ‘mengutusmu’ seolah sebagai percakapan peribadi kepada Nabi Muhammad SAW, manakala dari sudut-pandang Al-Quran pula ‘Kami’ sebagai perwakilan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Selain itu, Nabi Muhammad dilihat sebagai ‘kekasih’ -- merujuk kepada sosok yang disayangi kerana bimbingannya kepada umat manusia. Berikut rangkap puisi yang menonjolkan kehadiran Nabi Muhammad SAW sebagai pemandu pencarian peribadi umat manusia.

Ya kekasih kami  
Dari belukar memanjang sepanjang lorong hayat  
Dari gua diri yang lama diserabuti gelap memekat  
Kami bak pengembara tak ketemu jalan pulang  
Berabad diserakup kekalutan

‘Kekasih’ merujuk kepada Nabi Muhammad SAW kerana pengarang mendekatkan hubungan Nabi dan umatnya menggunakan rangkaian kata yang bersifat cinta atau kasih sayang. Putri Wulan Afandi (2015) menjelaskan bahawa “Introspeksi memiliki beberapa manfaat diantaranya: mengetahui aib sendiri, kritis pada diri sendiri, membantu jiwa untuk muraqabah, terbuka pintu kehinaan ketundukan dihadapan Allah, musibah terangkat, melapangkan hati, meringan hisab diakhirat, memperbaiki hubungan diantara sesama manusia dan terbebas dari siat niaq.” Daripada petikan berkenaan, proses muhasabah (introspeksi) melibatkan faedah seperti

mengetahui kelemahan dan keburukan diri. Dalam rangkap ini, pengarang mengemukakan introspeksi melalui beberapa baris ayat yang digariskan:

“Dari gua diri yang lama diserabuti gelap memekat  
 Kami bak pengembara tak ketemu jalan pulang  
 Berabad diserkup kekalutan”

Baris ‘gua diri yang lama diserabuti gelap memekat’ melambangkan keadaan diri yang diselubungi kegelapan, dalam erti kata lain, tidak disulahi cahaya yang menuntun. ‘Gua’ ialah ruang besar yang dalam dan kelam merupakan perlambangan kepada jiwa, manakala ‘gelap’ membawa makna kejahilan atau aib diri. ‘Tak ketemu jalan pulang’ adalah implikasi daripada kegelapan yang dialami. Pengarang mewakili seluruh umat Islam tentang kekembalian ke jalan yang terang dan benar dengan menyamakan perjalanan mereka tidak ditemukan arah yang membawa pulang. Hal ini bertepatan dengan Al-Quran berkenaan kegelapan jiwa seseorang dalam surah Al-An’aaam ayat ke-122:

“Dan apakah orang yang sudah mati lalu Kami hidupkan dan Kami beri dia cahaya yang membuatnya dapat berjalan di tengah-tengah orang banyak, sama dengan orang yang berada dalam kegelapan, sehingga dia tidak dapat keluar darinya? Demikianlah dijadikan terasa indah bagi orang-orang kafir terhadap apa yang mereka kerjakan.”

Selain itu, terdapat pertautan dengan baris berikutnya iaitu ‘diserkup kekalutan’ yang menunjukkan akibat daripada kegelapan tersebut, penulis menyimpulkan bahawa ia menghasilkan kekalutan atau huru-hara dalam pegangan. Beralih kepada rangkap seterusnya, pengarang menyisipkan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh yang sempurna kepada umat manusia untuk berintrospeksi terhadap diri agar mengenali aib, kelemahan dan keburukan diri. Rangkap tersebut menyenaraikan lima sifat peribadi dianugerahkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk dijadikan cermin buat refleksi akhlak Muslim.

Ya kekasih kami  
 Tuhan telah menurunkan kepada kami  
 Seorang manusia yang setia kepada kemanusiaannya  
 Seorang manusia yang cinta kepada penciptanya  
 Seorang manusia yang kasih kepada sesamanya  
 Seorang manusia yang taat kepada amanahnya  
 Seorang manusia yang tak pernah mungkir kepada janjinya

(Zaen Kasturi, 2014: 7)

Bahagian puisi ini memperlihatkan sifat-sifat Nabi Muhammad sebagai panduan untuk manusia melaksanakan proses introspeksi atau muhasabah agar membentuk keperibadian seorang Muslim yang lebih baik. Baris ketiga sehingga kelima menampilkan peribadi mulia Nabi Muhammad SAW agar umatnya mengikut jejak akhlak baginda.

Lima keperibadian utama diperincikan melalui perkataan yang digariskan. Kelima-lima perkara tersebut disandarkan sebagai pencerminan diri. Perkara pertama ditonjolkan oleh pengarang ialah ‘setia kepada kemanusiaannya’ dipraktikkan oleh Nabi Muhammad SAW. Hal ini demikian merujuk kepentingan Muslim harus menunaikan iaitu hubungan erat dengan kemanusiaan. Tunjang keperibadian seseorang Muslim ialah kemanusiaan kerana ia sebahagian medium terbesar untuk melakukan kebajikan kepada sesama manusia. Demikian pengarang menegaskan tema kemanusiaan sebagai refleksi diri.

Perkara kedua pula, pengarang menyisipkan ‘cinta kepada penciptanya’ iaitu kecintaan Muslim terhadap Allah SWT sebagai Al-Khaliq, iaitu pencipta sekalian alam. Hal ini turut merujuk kepada perintah Muslim untuk kembali mengenali Allah SWT kerana ia merupakan



proses introspeksi yang diperintahkan. Konsep ‘cinta kepada penciptanya’ mempertalikan ketaqwaan manusia kepada Allah SWT seperti surah Al-Hasyr, ayat 18 yang telah diperturunkan pada petikan sebelum ini. Terdapat hubungan yang jelas antara ‘cinta kepada penciptanya’ dengan petikan surah tersebut yang menerangkan bertaqwa sebagai sebahagian pencerminan diri dan juga ‘cinta kepada penciptanya’ dan seseorang Muslim harus sentiasa melihat semula pekerjaan dan amalinya.

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.”

Perkara ketiga yang disebut oleh pengarang ialah ‘kasih kepada sesamanya.’ Tuntutan selepas mengasihi Al-Khaliq, manusia diperintahkan untuk kasih kepada manusia yang lain. Pengarang meninjau hubungan sesama manusia yang diiringi kasih sayang adalah satu bentuk refleksi diri. Hal ini dapat ditonjolkan daripada surah Al-Mumtahanah, ayat 7 :

“Semoga Allah akan mengadakan perasaan kasih sayang antara kamu dengan orang-orang yang kamu musuhi dari kerabat kamu itu (dengan jalan menjadikan mereka insaf dan memeluk Islam). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa (atas tiap-tiap sesuatu), dan Allah Maha pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Kasih sayang sesama manusia menjadi salah satu cara introspeksi kerana kasih kerana kemanusiaan dan Allah SWT akan memimpin kepada insaf dan pengampunan.

Perkara seterusnya pula memperlihatkan keperibadian Nabi Muhammad sebagai pencerminan diri iaitu dua sifat baginda iaitu ‘taat kepada amanahnya’ dan ‘tak pernah mungkir kepada janjinya.’ Amanah merupakan salah satu daripada empat sifat Nabi Muhammad SAW. Pengarang memasukkan sifat amanah Nabi Muhammad sebagai model refleksi diri. Hal ini dapat dikaitkan dengan surah An-Nisa’, ayat 58 yang menjelaskan kepentingan beramanah. Berikut petikan ayat:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha Melihat.”

Perihal ‘taat kepada amanahnya’ dan ‘tak pernah mungkir kepada janjinya’ turut mencakupi pemeliharaan amanah dan tidak mengkhianatinya seperti yang tertera di dalam Al-Quran. Dalam ayat Al-Mukminun ayat 8 memperlihatkan kepentingan amanah oleh Muslim iaitu:

“Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya..”(Al-Mukminun: 8)

Terdapat pengulangan ayat daripada empat surah yang berbeza. Hal ini memperlihatkan penegasan bahawa amanah merupakan tanggungjawab seorang Muslim kerana ia melibatkan waadat atau perjanjian sesama manusia yang harus dijaga dengan baik. Perintah memelihara amanah dimasukkan ke dalam kandungan puisi oleh pengarang sebagai introspeksi, selain dorongan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Selain Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan sebagai manusia yang taat kepada perintahnya, Nabi Muhammad juga dikenali sebagai pemimpin menerusi amanahnya. Menurut Choudhury (1993) dan Watt (1961) dalam Suraiya Ishak, berpendapat bahawa:

“Nabi Muhammad bukan hanya seorang pemimpin spiritual yang berjaya, sebaliknya merupakan ketua negara (*stateman*) dan pentadbir (*administrator*) yang berjaya.

Manakala dalam konteks pembawa perubahan (*reformer*) baginda telah berjaya menghasilkan revolusi yang signifikan dalam cara hidup dan pemikiran masyarakat Arab. Watt (1961) telah menyenaraikan tiga (3) kualiti kehebatan diri Nabi Muhammad (SAW) yang menyebabkan tersebarnya pengaruh Islam ke seluruh dunia.”

Hal ini demikian kerana sifat amanah baginda, keperibadiannya dijulang tinggi daripada pelbagai masyarakat yang berbeza warna kepercayaanya.

Rangkap selanjutnya memperlihatkan pula Nabi Muhammad SAW sebagai anugerah besar kepada alam, khususnya manusia. Nabi Muhammad SAW dipandang tinggi dan mulia kerana keperibadiannya yang membimbing manusia untuk melakukan proses introspeksi secara lazim dan dipraktikkan sepanjang hayat. Lihat rangkap tersebut:

Ya kekasih kami  
Tuhan telah menganugerahi kami  
Sebutir permata di tengah-tengah timbunan kaca  
Menyepuh luka dan darah sengsara kami -- berabad lalu

Ya kekasih kami  
Tak rela itu permata kami lepaskan  
Daripada genggamannya kalbu

(Zaen Kasturi, 2014: 7)

Dua rangkap tersebut menghuraikan tentang utusan Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin. Rangkap-rangkap ini kembali berhubungan dengan permulaan puisi yang melampirkan surah Al-Anbia, ayat 107, pengarang meletakkan darjat Nabi Muhammad SAW yang muluk. Baris ini:

‘Tuhan telah menganugerahi kami  
Sebutir permata di tengah-tengah timbunan kaca’

Terdapat pertalian Nabi Muhammad SAW dengan permata dalam baris ‘sebutir permata’, iaitu harta alam yang bernilai dan indah. ‘Timbunan kaca’ pula menunjukkan keadaan sekeliling yang melukakan dan tidak dihargai. Maka dapat ditinjau bahawa Nabi Muhammad SAW dihadirkan dalam keadaan masyarakat dan dunia yang mengalami keruntuhan dan sarat kedukaan untuk memandu mereka ke arah yang benar. Pertalian ini menampakkan satu bentuk introspeksi atau muhasabah kepada umat Islam yang berusaha memperbaiki diri dan melihat diri melalui akhlak dan peribadi Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan yang sempurna.

Keseluruhannya, pendekatan dakwah ini memunculkan beberapa introspeksi yang terdapat dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan yang menegaskan perihal kenabian dan keperibadian Nabi Muhammad SAW sebagai sosok teladan unggul untuk umat Islam. Introspeksi dilaksanakan oleh penyair diterjemahkan dalam bentuk puisi yang sarat dengan perlambangan yang cenderung berunsurkan alam untuk memperlihatkan kepentingan kehadiran sosok Rasulullah SAW dalam kalangan umat Islam.

### 4.3 *Stail Penulisan*

Dalam kajian diksi pada himpunan puisi Zaen Kasturi dalam *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan*, diksi yang dikaji terbatas pada kata-kata berbentuk konotatif. Puisi-puisi berkenaan dicorakkan dengan sifat evaluatif iaitu taksiran nilai. Diksi yang dianalisis dijelmakan dalam kerangka pendekatan seni, iaitu cabang daripada teori Pengkaedahan Melayu. Hasil diksi memperlihatkan motif puisi yang introspektif, seperti yang dibincangkan sebelumnya. *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* mewakili sisi Zaen Kasturi yang begitu inkuiri, santun dan sederhana dalam mewarnakan karyanya. Latar puisi yang tiada limitasi, berwajah surreal dan

tujuan yang bergerak seperti labirin (*maze*) untuk menemukan jalan keluar (*exit*). Menerusi puisi Zaen Kasturi, terdapat kecenderungan penyair mencetuskan pertanyaan-pertanyaan yang memperlihatkan introspeksi, retrospeksi dan himpunan kemungkinan. Penegasan Zaen berkenaan ‘ingatan’ sebagai amanat untuk diamanahkan kepada ‘kawan’ yang membawa maksud lebih daripada yang lazim diertikan. Zaen Kasturi turut melakukan repetisi judul puisi, iaitu ‘ingatan kepada kawan i’ sehingga ‘ingatan kepada kawan lxxxvii’ sebagai tanda penekanan terhadap kepentingan makna ‘ingatan.’ Keberanian Zaen Kasturi mengungkapkan persoalan yang bersifat rohaniah melahirkan penerokaan metafizika. Penerokaannya tidak terbatas kepada ruang persahabatan yakni istilah ‘kawan’ yang menjadi induk puisi tetapi Zaen Kasturi turut bergerak sebagai pemikir memasuki rongga kehidupan yang berat dengan warna agama, falsafah dan nilai kemanusiaan.

Analisi diksi ini berpandukan Pendekatan Seni yang digagaskan oleh Hashim Awang berlandaskan jalan seni yang menuntun ke arah kerohanian dan keagamaan namun sedikit longgar dan memberi kebebasan dalam membongkar-gali estetik puisi-puisi Zaen Kasturi ini. Walau bagaimanapun, pendekatan seni ini menumpukan nilai estetik menerusi capaian diksi yang diperoleh dalam puisi-puisi berkenaan. Seni yang dibawa masih bertujuan memaparkan keindahan yang dianugerahkan oleh Allah SWT dalam membentuk ilham. Keseluruhan 77 judul puisi tidak dibincang namun beberapa judul puisi yang mengikut acuan diksi dibentangkan sebagai sasaran analisis.

Puisi ‘ingatan kepada kawan ix’ begitu sarat dengan bahasa yang prismatis. Bahasa prismatis merujuk kepada “penyair memilih kata-kata yang menyebabkan pembaca berfikir terlebih dahulu untuk memahami maknanya. Makna kata yang digunakan kebanyakan makna kias.” (Yulsaffli dan Evi Karmila, 2017). Berikut permulaan puisi ini:

“malammu dan malamku tak sama gelitanya,” katamu.

“namun bulanku dan bulanmu tak berkurang cahaya,” kataku.

(hanya sesekali bintang di langitmu, bintang di langitku mencuba menyihir kita, mengajak kita berlumba berebut cahaya, kata kita)

(Zaen Kasturi: 12)

Pada bait ketiga, ia berbunyi ‘hanya sesekali bintang di langitmu, bintang di langitku mencuba menyihir kita, mengajak kita berlumba berebut cahaya, kata kita’ dan memperlihatkan elemen introspeksi secara kias dan bersirat. Perkataan ‘bintang’ lazimnya membawa pengertian berkenaan istilah sains iaitu bebola jisim gas dan kedudukannya tinggi di angkasa. Namun dalam puisi ini, kosa kata ‘bintang’ dipilih kerana ‘bintang’ secara azali, ia sering berhubungan dengan ‘cahaya’, seperti yang dinyatakan oleh penyair dalam frasa ini. Dalam puisi ini, ‘bintang’ tidak lagi merujuk kepada pengertian yang biasa difahami tetapi ia merujuk kepada makna konotatif iaitu suatu petunjuk. ‘Cahaya’ yang dimaksudkan dalam frasa ini pula membawa makna konotatif yang berkaitan keagamaan iaitu Tuhan. Dalam Islam, Tuhan adalah Nur (cahaya) yang menuntun manusia.

Setiap manusia khususnya Muslim harus menjadi mukmin yang sedar (Mohd Ali Hashimi) iaitu sering menimbulkan rasa jiwa muraqabah. Penyair menjalinkan untaian makna dengan mencerap unsur alam sebagai perlambangan. Hal ini bertepatan dengan ayat Al-Quran:

“Sesungguhnya di dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terhadap tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal.”

(Ali Imran: 190)

Begitu bait lain dalam puisi ini memperlihatkan introspeksi dengan lapisan bahasa yang tebal dan tidak boleh difahami secara permukaan sahaja. Bait terakhir puisi ‘ingatan kepada kawan ix’ iaitu:

(hanya sesekali belati di jiwaku, belati di jiwamu  
Tak betah bertemu sesama kilaunya)

(Zaen Kasturi: 12)

Perkataan ‘belati’ secara harfiahnya bermaksud sejenis senjata tajam untuk menikam. Namun penyair menyisipkan makna konotatifnya yang menyoroti pengertian berkenaan kekuatan atau kecekalan seseorang. ‘Belati’ yang memiliki sifat bahaya dan mencederakan, namun belati juga ditanggap sebagai bentuk perlindungan yang menjadikan seseorang itu selamat daripada diserang atau dapat membalas semula serangan. ‘Belati’ juga secara fizikalnya berkilat kerana permukaannya yang reflektif. Frasa ‘sesama kilaunya’ merujuk kepada cerminan diri menerusi kekuatan yang dimiliki. ‘Kilau’ boleh bermaksud sinar daripada pantulan kepada cermin. Hal ini demikian menjadikan keseluruhan frasa tersebut secara konotatifnya adalah kekuatan atau ketabahan dalam diri seseorang, justeru menimbulkan introspeksi.

Puisi ‘ingatan kepada kawan xxxi’ ditukang dengan ringkas dan tidak sarat kosa kata yang berat namun peranan beberapa pemilihan kata mengukuhkan tubuh puisi ini untuk bersifat sendiri tanpa dukungan perlambangan yang lewah. Sebagai tamsilan, diturunkan keseluruhan puisi tersebut:

Kautahu?  
Kebiasaan memungkinkan apa saja  
Hingga secangkir kopi pahit  
Lebih mahal harganya daripada  
Sekolam darah syuhada

(Zaen Kasturi: 37)

Frasa ‘kebiasaan memungkinkan apa saja hingga secangkir kopi pahit lebih mahal daripada sekolam darah syuhada’ memperlihatkan makna konotatif yang Zaen Kasturi jelaskan dalam puisi ini. Bahagian ‘secangkir kopi lebih mahal daripada sekolam darah syuhada’ menampakkan sindiran penyair berkenaan harga kemanusiaan digantikan dengan materi. Hal ini demikian kerana ‘kopi pahit’ yang ditegaskan oleh penyair lebih bernilai daripada pengorbanan pejuang-pejuang kebenaran (yakni merujuk kepada ‘sekolam darah syuhada’). Frasa ‘sekolam darah syuhada’ pula merupakan gambaran para pejuang (syuhada) yang gugur dan ‘sekolam darah’ memberi pengertian hasil pengorbanan yang menuntut nyawa.

Frasa-frasa makna konotatif dalam puisi ini memperlihatkan juga berkenaan introspeksi yang dikehendaki dalam ajaran agama Islam berkenaan jihad. Jihad tidak terbatas kepada perjuangan yang membuka jalan peperangan tetapi perlawanan dalam jiwa seseorang. Meskipun dalam puisi ini menceritakan kebimbangan penyair terhadap keadaan dunia yang mengangkat materi lebih tinggi daripada kebenaran, namun penyair juga memasukkan unsur introspektif dengan kata kiasan yang menyindir sikap manusia yang tidak lagi mementingkan kemanusiaan.

## 5. Kesimpulan

Kumpulan puisi 77 *Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* sarat menghadirkan himpunan kemungkinan dan pertanyaan yang menyoroti perihal kejiwaan, kemasyarakatan dan kesenian secara holistik menerusi kanta introspektif. Zaen Kasturi menukangnya dengan mencerpakan

signifikan ajaran agama sebagai wadah manusia, khususnya Muslim untuk bermuhasabah. Kerangka Pendekatan Keagamaan di bawah payung Pengkaedahan Melayu, gagasan teori yang dijana oleh Hashim Awang ini berperanan sebagai acuan yang tepat untuk mengemukakan konsep introspeksi dalam kumpulan puisi ini. Nilai evaluatif bersandarkan hubungan akrab Melayu-Islam pendekatan yang memudahkan urusan introspeksi sebagai mauduk kajian ini. Introspeksi, atau sinonimnya muhasabah, dijelmakan dalam dinamika bentuk penyampaian puisi. Ia berlandaskan ajaran agama Islam yang menuntut untuk pemurnian rohaniah dan melakukan proses mengevaluasi diri. Demikian tiga pendekatan yang tersedia iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

Pendekatan dakwah yang diketengahkan dalam kajian kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* menjelmakan sosok keperibadian Nabi Muhammad SAW dalam memperihalkan introspeksi. Keunggulan Rasulullah SAW mewakili introspeksi, atau muhasabah yang dituntut dalam agama Islam. Hal ini demikian Rasulullah ini didatangkan sebagai contoh dan teladan untuk umat Islam melakukan introspeksi menerusi sifat-sifat utama baginda iaitu seperti *siddiq* (benar), *amanah* (dipercayai), *tabligh* (menyampaikan) dan *fatonah* (bijaksana). Hasil penelitian dalam bahagian ini menemukan refleksi diri melalui keperibadian baginda dalam menyantuni kehidupan sebagai Muslim. Zaen Kasturi mengangkat kehebatan baginda dengan memerihalkan ciri-ciri yang mengajak khalayak Islam untuk melakukan introspeksi dan pemurnian akhlak.

Dalam pendekatan kemasyarakatan pula, ia tidak semata membawa perihal masyarakat secara besar-besaran, tetapi dikecilkan skopnya dalam lingkaran persahabatan. Sahabat merupakan individu penting dalam kehidupan khususnya seorang Muslim kerana ia berperanan sebagai saudara yang mencerminkan peribadi diri dan ia juga signifikan dalam relung masyarakat. Konsep persahabatan ditonjolkan dengan unik melalui sudut-pandang Zaen Kasturi sebagai penyair yang menggunakan gaya bahasa dan imej tertentu untuk mewakili persahabatan. Puisi-puisinya bersifat komunikatif dan sarat dialog dan monolog dalaman membawa pengertian, sahabat itu lebih daripada individu yang berada di sisi, tetapi meliputi kehidupan seseorang dari pelbagai aspek, terutamanya kepercayaan. Selain itu, banyak imbau-balik dicerap masuk ke dalam puisi-puisi berkenaan kerana sahabat dan kenangan begitu sinonim dalam diri penyair.

Pendekatan seni yang digunakan pula sedikit selektif kerana ia melibatkan gaya pengucapan puisi yang disampaikan oleh penyair. Dalam pendekatan seni ini, ia berlandaskan nilai estetik yang tidak bercanggah dengan agama Islam. Hal ini kerana keindahan adalah tuntutan agama, lebih lagi mengangkat kebenaran. Majoriti penyair menggunakan gaya bahasa untuk membawa kesan keindahan dalam penciptaan puisi demi memperlihatkan kandungan tersebut selaras dengan kesan yang ingin dicapai. Seni merupakan asas yang mengukuhkan estetik sesebuah puisi kerana ia menimbulkan dengan jelas menerusi kiasan yang diwujudkan. Bahasa yang digunakan oleh penyair diangkat sebagai suara jiwa penyair yang terbentuk dalam rampaian kata-kata. Selain itu, tanggungjawab penyair menghubungkan pemahaman dan pengetahuan puisi agar tidak berlaku penyimpangan kepada pembaca. Hasil penelitian memperlihatkan bahawa dalam kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan* yang ditukangi oleh Zaen Kasturi membawa diksi, iaitu diksi konotatif yang menyoroti pemilihan kosa kata yang tepat untuk mewakili makna yang tersirat. Kemudian, didapati gaya bahasa metafora juga ditemukan dalam puisi-puisi tersebut.

Keseluruhannya, Zaen Kasturi menggembleng ilham dan idea dalam penciptaan puisi yang sarat amanat dan mesej yang membawa kepada lorong introspeksi dalam kumpulan puisi *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan*. Tiga pendekatan yang berbeza namun masih berlandaskan

nilai keagamaan Islam mencetuskan hasil yang pelbagai namun tetap terbatas dalam lingkaran introspeksi sebagai mauduk.

## Rujukan

- Ahmad Sunawari Long, Ibrahim Abu Bakar & Muhammad Syahir Abu Bakar. (2013). Perspektif Aristotle dan Al-Ghazali Terhadap Konsep Persahabatan. *Jurnal Hadhari*. 5(1): 21-36.
- Arbak Othman. (2001). "Penjelajahan Intelektual dalam puisi Zaen Kasturi." Dlm. *Berita Harian*: 31 Mei 2001.
- Awang Azman Awang Pawi. (2003). *Licentia Poetica Puisi Mutakhir Malaysia*. Kota Samarahan; Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.
- Hairi Abdullah. (2016). *The Power of Muhasabah: Manajemen Hidup Bahagia Dunia Akhirat*. Medan: Perdana Publishing.
- Hasanah Abd. Khafidz & Nik Siti Khadijah Nik Salleh. (2016.) Penyucian Jiwa Melalui Pendekatan Muhasabah Dalam Penghayatan Shalat. *Fikiran Masyarakat*. 4(2): 128-134.
- Jahada. (2013). Hak Asasi Manusia Menurut Al-Quran. *Jurnal Al-'Adl*. 6(1): 35-59.
- Keris Mas. (1988). *Perbincangan Gaya Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- KH. Amiruddin M.S & Bambang Irawan. (2011). *Dahsyatnya Muhasabah dan Tafakkur*. Medan: Nizham Press.
- Lim Swee Tin & Arbak Othman. (2008). *Puisi, Penyair & Kreativiti Dalam Kritikan dan Apresiasi*. Serdang: Citra Kurnia Enterprise.
- M. Hariyanto. (2016). Muhasabah (Introspeksi), Akhlak Yang Terabaikan. Kertas kerja Pengajian Jumat Petang Ba'da Maghrib, Kajian Hadis Tematik. Anjuran Masjid Margo Rahayu Namburan Kidul Yogyakarta. 25 November 2016.
- Mana Sikana. Januari (1994). Penjelajahan Metafizik dalam Yuda. *Dewan Sastera*. 86-90.
- Mawar Shafei. (2016). The Search between Ambiguity and Anti-Story in Zaen Kasturi's Taman Uzlah. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. Volume 24: 65-76.
- Mohd. Ali Hashimi. (1996). *Keperibadian Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh. *An Introduction to Modern Malaysian Literature*. 2009. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Mulia Kurniawan. "Zaen Kasturi tokoh muda penggerak inspirasi." Dlm *Utusan*: 7 November 2010.
- Nazmi Yaakub dan Shuhaniza Said. "Hidup Mati Demi Melayu." Dlm *Berita Harian*: 31 Januari 2011.
- Othman Puteh. (2001). *Penulisan kreatif: Teori, pengalaman, cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications & Distributors.
- Rahman Shaari. (2005). Puisi Melayu Malaysia di Tengah Puisi Nusantara. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 7: 59-65.
- Rosna Mohd Khalid. (2008). Puisi-Puisi Eksperimen: Kerelevanan dan Signifikannya Dalam Sajak Melayu Moden. *Jurnal Melayu*. 3: 1-22.
- Sahlan Mohd. Saman. (2008). Pengkaedahan Melayu-Islam dalam Kritikan Sastera. *Jurnal Melayu*. 3:77-99.
- Suraiya Ishak. (2011). Model Kepimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad SAW. *Jurnal Hadhari*. 3(2): 23-44.

- Nyoto Harjono. (2012). Kajian Stilistika Puisi-Puisi Chairil Anwar Sebagai Sarana Pembelajaran Apresiasi Sastra. *Scholaria*. 2(1): 22-38.
- Evi Karmila & Yulsafli. (2017). Analisis Diksi dalam Antologi Puisi Karya Ali Hasjmy. *Serambi Akademica*. 4(2): 81-88.
- Zaen Kasturi. (2014). *77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Keraf, Gorys. (1988). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Gramedia, Cet.5.
- Jumali Hj. Selamat. (2009). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah. *Jurnal Personalia Pelajar*. 12: 19-37.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 4(2): 48-57.
- Abi Jauhar. (1995). *Hemah Dalam Pandangan Imam al-Ghazali Adab Dalam Menjalin Persahabatan*. Serdang: Citakhidmat Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (1983). *Aliran Dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mana Sikana (Peny.). (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Fadzil Bin Yusoff. (2012). Kosmologi Dalam Puisi-Puisi Zurinah Hassan.
- Zurinah Hassan. (2010). *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Moden*. Penerbit UKM.
- Muhammad Haji Salleh. (2008). *An introduction to modern Malay literature*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Dhani Fithriansyah Akbar. (2012). *Refleksi Diri Dalam Perspektif Agama Budha dan Islam (Studi Komparasi Jalan Mulia Berunsur Delapan Dalam Agama Budha Dan Muhasadah Agama Islam)*. Surabaya: Institut Agama Islam Sunan Ampel.
- Banhard, Clarence. (1973). *The World Dictionary*. Australia: Field Enterprises Educational Coporation.